

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARIAH (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
KEDUDUKAN WANG PAMPASAN KEMATIAN PEKERJA YANG
DIANUGERAHKAN OLEH KERAJAAN ATAU SYARIKAT SWASTA**

1. TAJUK PERSOALAN

Persoalan ini disediakan untuk mendapat pertimbangan dan pandangan-pandangan Ahli-Ahli Muzakarah Jawaankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai “Kedudukan Wang Pampasan Kematian Pekerja Yang Dianugerahkan Oleh Kerajaan atau Syarikat Swasta ”

2. LATAR BELAKANG

2.1 Isu ini timbul daripada pertanyaan pihak Peguam Syarie bagi kes Mal bil.1220-41-2-99 diantara Jali b. Jata(pemohon)dengan Noraini bt. Mat Yusof(penentang) mengenai wang pampasan kematian. Pihak Peguam Syarie A.B. Sidek & Co. telah menyatakan bahawa harta yang terlibat ialah sejumlah wang pampasan kematian dari Tenaga Nasional Berhad (TNB). Wang pampasan ini telah dianugerahkan oleh pihak TNB kepada balu si mati iaitu anak guam A.B Sidek&Co. Kes ini telah dibicarakan pada 30/3/2000 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

2.2 Pada hemat Peguam Syarie tersebut wang pampasan ini tidak perlu dibahagikan menurut hukum faraid kerana:

2.2.1 Ia bukan harta yang diperolehi semasa hayat simati (bukan al-Tarikah).

2.2.2 Ia hanya dianugerahkan jika simati dalam perkhidmatan, dan tidak diberikan jika simati meninggal dunia apabila simati sudah mnamatkan perkhidmatan ada mejikan berkenaan.

2.2.3 Anugerah ini bertujuan untuk membantu balu si mati melangsaikan hutang-hutang simati jika ada.

2.3 Pendapat yang dikemukakan oleh Peguam Syarie tersebut tidak dipersetujui oleh Peguam pemohon iaitu Tetuan Azaine & Fakhrul. Oleh yang demikian bagi memudahkan perbicaraan dan perjalanan kes ini, pihak Peguam Syarie memohon ketetapan fatwa berkaitan perkara berkenaan yang perlu dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini.

3. PERBINCANGAN.

3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor telah sebulat suara menerima pakai keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan iaitu:-

Wang pampasan yang diperolehi dari kematian pekerja tidak dianggap harta pesaka, oleh itu pembahagiannya tidak tertakluk kepada cara pembahagian harta pusaka.

Mesyuarat juga mencadangkan supaya keputusan ini diterima pakai kepada masalah yang berkaitan seperti wang pampasan melalui tuntutan mahkamah kerana kecuaiannya, wang SOCSO dan seumpamanya.

3.2 Dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke 21 pada 12 September 1998 telah membincangkan mengenai “ Kedudukan Ganjaran Terbitan Dan Pencen Terbitan Dari Segi Pusaka-Pusaka Dan Pematangan Hutang-Hutang Kerajaan Daripada Ganjaran Dan Pencen Terbitan” tersebut dan memutuskan seperti berikut;

Ganjaran Terbitan dan Pencen Terbitan tidak termasuk sebagai harta pesaka, maka kaedah pembahagiannya tidak tertakluk kepada kaedah pembahagian harta pesaka.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke 21 bersidang pada 12 September 1998.

- 3.1 Merujuk kepada keputusan Muzakarah tersebut **dapatlah diqiaskan** bahawa dalam kes mal wang **Pampasan Kematian Pekerja** di sektor awam atau swasta adalah dikira **bukan harta peninggalan simati**. Ia hanyalah anugerah pihak majikan tersebut kepada kakitangannya ketika meninggal dunia. Oleh yang demikian wang tersebut tidak perlu dibahagi-bahagikan mengikut faraid, kerana ia bukan harta pesaka si mati.

4. **KEPUTUSAN.**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan menyatakan wang pampasan kematian pekerja yang diangerahkan oleh kerajaan atau syarikat swasta tidak dikira sebagai harta pusaka.